

VARIASI SEBUTAN KATA SERAPAN BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN MAHASISWA

MOHAMAD AJIRUL BAKRI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
mohamadajirul@gmail.com

NUR FARAHKHANNA MOHD RUSLI*
Universiti Pendidikan Sultan Idris
farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan menjelaskan variasi sebutan kata serapan daripada bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan reka bentuk kualitatif. Data kajian diperolehi melalui kaedah kepustakaan dan pemerhatian dengan bantuan alat perakam suara, buku catatan dan teks senarai perkataan. Informan kajian merupakan 20 orang mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak daripada pelbagai program pengajian dan daripada pelbagai peringkat semester. Hasil kajian menunjukkan informan menghasilkan pelbagai variasi sebutan bagi kata serapan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan penghasilan variasi ujaran bagi kata pinjaman daripada bahasa Inggeris berlaku disebabkan faktor asimilasi antara bahasa sumber dengan bahasa penerima. Dari segi implikasi, kajian ini mengetengahkan pengetahuan tentang kepentingan mengujarkan perkataan mengikut sebutan yang betul dan tepat khususnya bagi kata pinjaman yang diserap daripada bahasa Inggeris. Hal ini penting untuk mengelak kekeliruan ketika mengujarkan kata serapan, dapat mengelak kesalahan ejaan ketika menulis kata-kata serapan sekali gus dapat meningkatkan penguasaan terhadap bahasa Melayu baku.

Kata kunci: bahasa Inggeris; bahasa Melayu; kata serapan; mahasiswa; variasi sebutan

THE PRONUNCIATION OF ABSORPTION WORDS FROM ENGLISH LANGUAGE AMONG STUDENTS

ABSTRACT

This paper aims to explain the pronunciation of absorption words from English language among students. This study is a survey study that used qualitative design. The data were obtained through library research and observations, with help by voice recorder, notebooks and words list text. Informants were selected from 20 students of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak from different programs and different level of semester. The result showed that informants produced various pronunciation of absorption words from English language. This study also showed that the variousity of pronunciation are due to the assimilation process between the source language and the recipient language. In term of implication, this study highlights the knowledge of the importance of pronouncing words

according to correct and accurate pronunciation especially for loanwords absorbed from English. This is important to avoid confusion when pronouncing absorption words, can avoid spelling mistakes when writing absorption words and at the same time can improve mastery of the standard Malay language.

Keywords: *English language; Malay language; absorption words; students; variousity of pronunciation*

PENGENALAN

Penguasaan terhadap bahasa Melayu (BM) dan bahasa Inggeris (BI) dalam semua bidang termasuklah bidang pendidikan sangat penting memandangkan kedua-dua bahasa sering digunakan sebagai medium untuk menyampaikan ilmu pengetahuan sama ada ketika penyampaian pengajaran, atau melalui bahan-bahan rujukan seperti buku, jurnal, disertasi dan sebagainya. Malah, tidak dinafikan bahawa dalam bidang pendidikan terutama yang mengkhusus dalam bidang sains (Matematik, Sains Tulen, Teknologi Maklumat dan Komunikasi), kebanyakan istilah yang terdapat dalam bidang tersebut merupakan istilah yang diserap daripada BI. Menurut Tatu Siti Rohbiah et al. (2017), BI mempunyai ciri-ciri bahasa yang mudah dipengaruhi dan boleh mempengaruhi bahasa lain berdasarkan kredibilitinya sebagai bahasa utama yang digunakan di peringkat antarabangsa. Maka, tidak hairanlah jika kata daripada BI banyak diserap masuk ke dalam kosa kata BM sama ada dikekalkan sebagaimana bentuk asal, atau disesuaikan dengan sistem ejaan BM. Bagi Mohamad Nortaufiq Nor Hashim, Mohd Khaidir Abdul Wahab dan Aniswal Abd. Ghani (2022), peminjaman bahasa dikaitkan dengan faktor pertembungan masyarakat. Pertembungan antara masyarakat telah menyebabkan peminjaman perkataan berlaku.

BM dan BI merupakan dua sistem kebahasaan yang berbeza dari segi struktur dan sebutan. Oleh itu, setiap kata dalam kedua-dua bahasa perlu diujarkan dengan betul dan tepat mengikut sebutan yang telah ditentukan dalam bahasa tersebut. Sungguhpun demikian, terdapat satu budaya kebahasaan yang berlaku dalam kalangan penutur di Malaysia apabila perkataan dalam BI tidak diujarkan dengan tepat sebaliknya diujarkan berdasarkan sebutan bahasa Melayu. Sebagai contoh, berdasarkan laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) yang diwujudkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), perkataan seperti identiti, sosial, isu dan kalori yang dipinjam daripada BI seharusnya diujarkan sebagai [i.dén.ti.ti], [so.si.al], [i.su] dan [ka.lo.ri]. Namun, situasi kebahasaan dalam kalangan sesetengah penutur kini mengujarkan perkataan tersebut dengan bentuk bunyi lain, iaitu bunyi yang menunjukkan pengaruh BI dan BM seperti *[aj.dən.ti.ti], *[so.ʃəl], *[i.fu] dan *[kæ.lə.ri]. Menurut Mohamad Firdaus Azaharuddin, Shahidi A. Hamid dan Rahim Aman (2022), keadaan ini merujuk kepada situasi generasi masa kini yang telah mula sebatian dengan pengucapan ragam standard yang sering digunakan dalam komunikasi.

Pada dasarnya, output bunyi yang dihasilkan ini menunjukkan proses asimilasi bunyi antara sebutan dalam BM dan BI. Menurut Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2017), situasi seperti ini menunjukkan kata yang dipinjam daripada BI telah berasimilasi dengan bahasa dan budaya masyarakat tempatan dan keadaan ini menyebabkan struktur kata pinjaman tersebut mengalami perubahan bunyi. Rujukan daripada laman web <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com> menunjukkan semua perkataan tersebut perlu diujarkan sebagai [ar'dentəti], ['səʊʃl], ['ɪfu:] dan ['kæləri]. Namun, proses asimilasi yang berlaku telah menyebabkan sesetengah penutur membunyikan perkataan tersebut dengan sebutan yang tidak tepat seperti *[aj.dən.ti.ti],

*[so.ʃəl], *[i.ʃu] dan *[kæ.lə.ri] dengan menyesuaikan dengan cara sebutan dalam BM. Situasi ini menunjukkan penutur ingin menggunakan BI, namun sebutan yang diujarkan tidak tepat seperti yang digunakan dalam bahasa asal.

Dalam hal ini, peminjaman kata daripada BI penting untuk memenuhi kehendak perkembangan pelajaran (Abbas Mohd Shariff, 1986). Malah, bagi Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014), pelajar lebih berminat dan bermotivasi mempelajari perkara baharu termasuklah menggunakan kata dalam istilah BI yang dapat menambah kosa kata pelajar itu sendiri. Sejalan dengan pandangan Ku Hasnita, Adlina Ab Halim dan Mohd Hafiz Sulaiman. (2013), tanggungjawab memartabatkan BM perlu ditingkatkan disamping memampankan BI. Namun, pelajar bahkan semua pengguna bahasa perlu menitikberatkan penggunaan kedua-dua bahasa dengan betul mengikut sistem nahu yang telah ditetapkan dan tidak melakukan perubahan contohnya dari segi bunyi dengan sewenang-wenangnya hingga mengubah bentuk sebutan asal. Hal yang demikian penting kerana kata serapan daripada BI telah banyak mempengaruhi sebutan dalam bahasa Melayu dan jika situasi ini berterusan, maka pengguna bahasa yang lain terutama dalam kalangan generasi muda akan mendapat input yang salah berkaitan dengan sebutan bunyi perkataan yang betul, sama ada dalam BM bahkan dalam BI.

Selain itu, perlu dijelaskan bahawa variasi bunyi yang dihasilkan bukan merujuk kepada proses percampuran kod kerana percampuran kod merupakan penggunaan lebih daripada satu bahasa dalam pertuturan (Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Nor Audra Dayana Dahlan, 2018). Sebagai contoh, walaupun pengguna mencampuradukkan penggunaan BM dan BI ketika berkomunikasi, namun percampuran kod lebih mengkhusus kepada situasi percampuran perkataan, frasa dan ayat misalnya, “Apa *update*?”, “Saya terpaksa *chief*. Takkan nak biar je”, “Hei, *hangpa* jangan tak *mai* pulak nanti na!” dan “*Pasaipa* balik lambat?” (Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Nor Audra Dayana Dahlan, 2018). Definisi dan contoh yang dikemukakan jelas berbeza dengan konsep perubahan bunyi yang diketengahkan dalam kajian ini. Pemahaman ini penting bagi membezakan kedua-dua situasi bagi mengelak kekeliruan. Bagi memahami dengan lebih jelas isu variasi sebutan kata pinjaman BI, maka kajian ini mengutarakan dua objektif, (i) mengenal pasti variasi sebutan kata serapan bahasa Inggeris yang diujarkan mahasiswa, dan (ii) menjelaskan faktor penghasilan variasi sebutan kata serapan bahasa Inggeris yang diujarkan mahasiswa.

PERNYATAAN MASALAH

Banyak kajian lepas yang mengkaji berkaitan isu seperti slanga, dialek, istilah yang berkaitan dengan sebutan. Kajian yang mengaitkan bahasa asing seperti bahasa Inggeris juga banyak dihasilkan oleh sarjana terdahulu yang masing-masing menekankan bahawa penggunaan bahasa yang rancu serta tidak bertepatan dengan struktur bahasa Melayu akan menjejaskan bahasa itu sendiri. Sungguh pun terdapat banyak kajian yang melibatkan isu bahasa diketengahkan, namun pemerhatian menunjukkan masih terdapat anggota masyarakat yang difokuskan dalam kalangan mahasiswa gagal menggunakan bahasa Melayu dengan baik bukan sahaja dari segi penulisan, malah dari aspek lisan juga. Bagi Husna Mohamed Redzwan, Anida Sarudin dan Khairul Azam Bahari (2018), faktor sosiofonologi telah mendorong bentuk ujaran lisan yang dihasilkan penutur apabila penutur cenderung menambah dan menggugurkan bunyi suatu fonem ketika bertutur. Jika isu ini dikesampingkan, maka dikhuatiri masalah penguasaan bahasa Melayu yang betul dan tepat akan berlaku. Generasi akan datang juga akan berhadapan dengan masalah untuk mengenal pasti dan menguasai bahasa Melayu yang betul akibat kekeliruan penggunaan bahasa yang rancu dalam komunikasi seharian.

Bagi Mimi Suhana Hakim, Nur Afiqah Ahmad Raof dan Sa'adiyah Ma'alip (2021), kepelbagaian kaum merupakan antara punca yang menyebabkan kewujudan variasi bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Arab dan sebagainya. Variasi bahasa ini menyebabkan pelbagai isu kebahasaan yang timbul termasuklah isu percampuran kod. Umumnya, fenomena percampuran kod memang tidak dapat dielakkan dalam masyarakat bilingual atau multilingual disebabkan pertembungan budaya dan bahasa masyarakat yang berbeza-beza. Tambahnya, isu ini berlaku sama ada ketika bertutur secara lisan atau dalam bentuk tulisan. Mimi Suhana Hakim, Nur Afiqah Ahmad Raof dan Sa'adiyah Ma'alip (2021) berpendapat penggunaan dua bahasa yang berbeza misalnya bahasa Inggeris dan bahasa Melayu mempunyai kesan yang positif seperti memudahkan urusan sosiobudaya dan menambah pendedahan terhadap bahasa antarabangsa, iaitu bahasa Inggeris. Namun, pada masa yang sama amalan percampuran kod perlu dilakukan secara bersederhana kerana penggunaan yang tidak terkawal mampu menjejaskan keaslian bahasa Melayu itu sendiri.

Nurkhairunnisha Amani Mohd Faizal, Nurul Emelda Abdullah Safarizal dan Nur Farakhanna Mohd Rusli (2022) berpendapat keadaan bahasa yang tidak teratur dan bercampur aduk dikenali sebagai bahasa rancu. Tambahnya, bahasa rancu ialah bahasa yang melanggar peraturan sama dari segi ejaan, sebutan, tatabahasa dan sebagainya. Sebagai contoh bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dicelarkan penggunaannya dalam komunikasi sama ada lisan atau penulisan. Bagi Nurkhairunnisha Amani Mohd Faizal, Nurul Emelda Abdullah Safarizal dan Nur Farakhanna Mohd Rusli (2022), penggunaan bahasa rancu mendorong banyak kesalahan bahasa berlaku akibat kekeliruan menggunakan kata, frasa, ayat, ejaan bahkan sebutan yang betul kerana sudah terbiasa berkomunikasi menggunakan ragam bahasa yang tidak tepat seperti bahasa rancu. Menurut Periasamy (2022), penggunaan bahasa Melayu semakin merosot termasuklah dalam kalangan pelajar Melayu sendiri.

Bagi Anne Jeffrey Kihob dan Saidatul Nornis Hj. Mahali (2021), dalam pembelajaran bahasa, penggunaan bahasa dengan betul dan tepat merupakan kriteria utama yang perlu dipatuhi. Hal ini penting supaya murid bahkan pelajar dapat berkomunikasi, memperoleh dan menyampaikan maklumat dalam pelbagai bidang ilmu, dengan menggunakan kata, frasa, rangkai kata, ungkapan dan ayat yang betul selaras dengan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Tambahnya, kemahiran berbahasa dengan betul perlu dipupuk sebelum peringkat prasekolah, diteruskan di sekolah rendah dan menengah, dan perlu diamalkan sebaik mungkin di peringkat pengajian tinggi dan di alam pekerjaan. Namun, kesalahan berbahasa tetap berlaku kerana bagi Anne Jeffrey Kihob dan Saidatul Nornis Hj. Mahali (2021), sikap memperkecil penggunaan bahasa kebangsaan masih wujud dalam kalangan penuturnya. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan kepentingan menggunakan bahasa Melayu dengan betul yang difokuskan terhadap aspek sebutan kata pinjaman atau kata yang diserap daripada bahasa Inggeris. Hal ini penting bagi mengelak kesalahan sebutan kata pinjaman daripada berlanjutan sekali gus boleh menyebabkan kekeliruan dan menjejaskan penguasaan terhadap bahasa Melayu dan bahasa Inggeris itu sendiri.

KAJIAN LITERATUR

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, BM dan BI merupakan dua bahasa utama yang perlu dikuasai pelajar kerana penyampaian isi kandungan suatu pembelajaran dan bahan pengajaran sering menggunakan kedua-dua bahasa tersebut sebagai bahasa perantaraan (Paramasivam Muthusamy, 2017). Situasi ini menyebabkan pelajar dapat menguasai dua atau tiga bahasa, namun penguasaan terhadap bahasa-bahasa tersebut mempunyai risiko yang tersendiri jika tidak digunakan dengan betul mengikut konteks dan situasi yang bersesuaian. Tambah Paramasivam Muthusamy (2017), penguasaan lebih daripada satu bahasa cenderung menyebabkan situasi

percampuran bahasa dan gangguan linguistik sama ada dalam situasi formal dan situasi tidak formal. Baginya, percampuran bahasa dalam masyarakat multilingual di Malaysia pada dasarnya tidak dapat dielakkan kerana penutur mempunyai pilihan untuk menggunakan pelbagai bahasa untuk berkomunikasi. Walau bagaimanapun, faktor tersebut tidak boleh dijadikan sandaran kepada penggunaan bahasa secara sewenang-wenangnya, terutama mencampuradukkan penggunaan BM dengan BI sehingga boleh merosakkan struktur kebahasaan kedua-dua bahasa tersebut.

Nazilah Mohamad dan Karim Harun (2019) dalam kajiannya berpendapat peminjaman bahasa berlaku disebabkan pertembungan bahasa. Dalam konteks ini, pertembungan antara BM dengan BI telah menyebabkan kosa kata BI dipinjam, diserap, dikekalkan malah disesuaikan dengan kosa kata BM. Tambahnya, kosa kata yang dipinjam telah mengalami perubahan dari pelbagai aspek antaranya morfologi, penyempitan dan perluasan makna, bahkan dari segi fonologi atau sebutan. Dari segi sebutan dan ejaan, Nazilah Mohamad dan Karim Harun (2019) berpendapat perubahan sebutan dan ejaan kosa kata asing yang diserap ke dalam BM boleh menyebabkan kekeliruan kepada pengguna bahasa. Dalam kajiannya juga, pengkaji menjelaskan peminjaman bahasa dikaitkan dengan pengaruh bahasa pertama dalam bahasa kedua. Berdasarkan faktor ini, maka penutur cenderung mengasimilasikan bunyi perkataan yang diserap dengan bahasa pertama, iaitu BM dengan bahasa kedua mereka, iaitu BI. Apabila perubahan sebutan menyimpang daripada bahasa asal, maka kekeliruan akan berlaku serta boleh menjejaskan pemahaman pengguna tentang bunyi sebutan yang betul dan tepat menurut sebutan yang digunakan dalam bahasa asal.

Bagi Zaharani Ahmad et al. (2011), penyerapan kata asing cenderung membawa masuk leksikal baharu berserta sistem nahu bahasa tersebut. Keadaan ini menyebabkan berlaku pertembungan antara sistem linguistik bahasa sumber dengan bahasa linguistik bahasa sasaran. Apabila situasi ini berlaku, maka kecenderungan penutur mengubah dan menyesuaikan kata asing mengikut kebiasaan bunyi yang sering dituturkan dalam bahasa sasaran akan menyebabkan berlaku perubahan struktur terhadap kata pinjaman termasuklah perubahan dari segi sebutan atau sistem bunyi. Pada dasarnya peminjaman kata asing dapat memperkayakan perbendaharaan kata bahasa Melayu dan membolehkan bahasa Melayu memperkaya serta mengungkapkan pelbagai bidang ilmu. Namun, jika penutur tidak menggunakan sebutan yang sesuai bagi kata yang dipinjam, maka representasi fonologinya akan berbeza dengan bahasa sumber disebabkan perubahan atau modifikasi yang dilakukan penutur sama ada secara sengaja (suatu kata diujarkan mengikut loghat bahasa sumber) atau secara tidak sengaja (suatu kata tidak diujarkan dengan tepat kerana tidak mengetahui cara sebutan yang sebenar dalam bahasa asal). Tambah Zaharani et al. (2011), keadaan ini jika dinilai dari aspek sosiolinguistik jelas menunjukkan masalah pencemaran bahasa, menimbulkan isu terhadap identiti dan jati diri bahasa Melayu itu sendiri.

Berdasarkan analisis dalam bidang fonologi, Muhammad Firdaus Mohd Sah dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2021) menjelaskan perubahan bunyi bagi kata yang dipinjam daripada bahasa sumber berlaku disebabkan adaptasi daripada bahasa sumber kepada bahasa peminjam. Apabila proses peminjaman berlaku, maka akan wujud bentuk fonologi yang tidak dibenarkan dalam bahasa peminjam. Bentuk fonologi yang dimaksudkan ialah kelainan bunyi yang dituturkan penutur. Tambahnya, kelainan sebutan ini berlaku disebabkan elemen bukan natif (kata yang dipinjam) telah mengalami proses nativasi sepenuhnya, iaitu ingkaran fonotaktif bahasa peminjam disingkirkan dan pembaikan dilakukan supaya kata pinjaman tersebut sesuai dengan nahu dalaman bagi bahasa peminjam. Dalam erti kata lain, perubahan bunyi terhadap kata yang dipinjam berlaku disebabkan proses asimilasi dan penyesuaian daripada bunyi bahasa sumber, kepada bahasa yang digunakan oleh penutur yang meminjam bahasa tersebut disebabkan sifat bahasa yang fleksibel.

Walaupun peminjaman kata merupakan satu gejala biasa yang berlaku dalam semua bahasa di dunia akibat pertembuhan antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran, namun pengguna perlu mempunyai pendedahan yang sewajarnya tentang kata-kata yang dipinjam dan dalam konteks kajian ini adalah dari segi sebutan atau cara mengujarkan kata-kata pinjaman tersebut. Menurut Ibtisam Abdullah dan Imran Ho Abdullah (2018), peminjaman kata merupakan satu proses yang penting dalam perkembangan bahasa dan dapat memperkayakan perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Namun, peranan penutur yang meminjam kata-kata daripada sumber asing diperlukan untuk mengenal pasti cara sebutan kata yang tepat kerana perubahan terhadap struktur bahasa misalnya daripada aspek sebutan atau fonologi boleh menyebabkan penghasilan bentuk ujaran yang tidak tepat. Jika perkara ini dipandang enteng, maka kesalahan membunyikan kata-kata pinjaman dengan betul akan terus berlaku dalam kalangan penutur, termasuklah penutur dalam kalangan generasi muda seperti kanak-kanak dan remaja. Jika kesalahan ini berlanjutan, maka masalah penguasaan bahasa akan berlaku selain boleh menyebabkan kekeliruan dalam menguasai kosa kata asing yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu. Seajar dengan itu, maka kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan kepentingan mengujarkan sebutan kata pinjaman dengan betul dan tepat bagi mengelak kesalahfahaman dalam kalangan penutur.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kualitatif. Terdapat dua kaedah yang digunakan untuk mengumpul data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian. Kaedah kepustakaan dilakukan dengan merujuk sumber-sumber bertulis sama ada secara bercetak atau secara dalam talian seperti buku-buku akademik, jurnal, disertasi dan sebagainya yang berkaitan dengan ujaran dan kata pinjaman bahasa Inggeris. Oleh sebab kajian ini dilaksanakan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan ekoran daripada Pandemik Covid-19 yang melanda negara, maka kaedah pemerhatian dapat dilakukan dengan pengkaji pergi ke lapangan, iaitu Kolej Za'ba, Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak untuk berjumpa dengan informan kajian yang terdiri daripada golongan mahasiswa untuk mendapatkan data. Menurut Nurul Adila Zulkipli dan Sa'adiyah Ma'alip (2021), kajian lapangan merupakan elemen penting selepas pelaksanaan kajian kepustakaan kerana kaedah tersebut berupaya membantu mendapatkan data yang lebih tulen dan jelas.

Informan kajian melibatkan 20 orang mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai program pengajian seperti bahasa Melayu, Sains Sukan dan Kejurulatihan, Pentadbiran Perniagaan, Pengurusan Sumber Manusia, Psikologi, Pendidikan Kesusasteraan Melayu, Pendidikan Seni, Pendidikan Bahasa Inggeris, Pendidikan Sains dan Matematik, Pendidikan Teknologi Maklumat, Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling, Pendidikan Moral, Pendidikan Muzik, Pendidikan Awal Kanak-kanak, Pendidikan Islam dan Pendidikan Jasmani. Informan juga terdiri daripada golongan mahasiswa daripada pelbagai peringkat semester, iaitu semester satu, tiga lima, enam dan tujuh bagi sesi pengajian 2020/2021. Rasional informan dipilih daripada pelbagai program dan pelbagai peringkat semester adalah untuk mendapatkan data yang bervariasi memandangkan setiap individu mempunyai cara sebutan yang tersendiri dalam mengujarkan kata serapan daripada bahasa Inggeris.

Dari segi instrumen, terdapat tiga alat yang digunakan untuk mengumpul maklumat. Pertama, buku catatan untuk mencatat segala maklumat secara bertulis yang berkaitan dengan kajian. Kedua, teks senarai perkataan yang mengandungi 20 senarai perkataan serapan yang diserap daripada bahasa Inggeris. Senarai perkataan ini akan diujarkan oleh informan satu demi satu. Ketiga, alat perakam digunakan untuk merekod ujaran informan bertujuan membolehkan

pengkaji mendengar kembali secara berulang kali ujaran yang dituturkan oleh informan berdasarkan senarai perkataan yang diberikan sebelum ini. Data yang diperoleh akan dikumpulkan, dikelaskan mengikut kategori perkataan dan ditranskripsikan dalam bentuk transkripsi fonetik. Akhir sekali, kesimpulan dan implikasi kajian akan dinyatakan bagi merumuskan keseluruhan kajian.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan dua objektif yang dikemukakan sebelum ini, iaitu (i) mengenal pasti variasi sebutan kata serapan daripada bahasa Inggeris yang diujarkan mahasiswa, dan (ii) menjelaskan faktor penghasilan variasi sebutan kata serapan daripada bahasa Inggeris yang diujarkan mahasiswa. Perbincangan tentang kedua-dua objektif akan dijelaskan secara berasingan dan satu persatu supaya huraian tentangnya lebih mudah difahami.

Variasi Sebutan Kata Serapan Bahasa Inggeris yang Diujarkan Mahasiswa

Kajian ini telah menyediakan 20 senarai perkataan yang mengandungi kata serapan yang diserap daripada bahasa Inggeris untuk diujarkan oleh informan. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, informan merupakan golongan mahasiswa, maka pola perkataan yang dibina adalah berasaskan kepada pendidikan, iaitu perkataan-perkataan yang kerap digunakan informan di institusi pendidikan. Berikut adalah 20 senarai perkataan bagi kajian ini:

JADUAL 1. Senarai Perkataan Serapan Bahasa Inggeris

Universiti	Sosial	Automatik	Forum
Subjek	Isu	Akademik	Popular
Nasional	Serius	Kalkulator	Radio
Identiti	Kalori	Status	Idea
Psikologi	Bonus	Katalog	Program

Berdasarkan jadual 1, terdapat 20 perkataan serapan daripada bahasa Inggeris yang disenaraikan untuk diujarkan oleh informan. Namun, perbincangan akan berfokus kepada lapan perkataan terpilih sahaja. Perkataan yang dipilih akan dibandingkan dalam tiga bentuk sebutan, iaitu (i) sebutan asal atau bahasa Inggeris yang dirujuk daripada laman web *Oxford Learner's Dictionaries*, (ii) laman web PRPM daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dan (iii) ujaran responden. Data yang diperoleh akan ditulis dalam bentuk transkripsi fonetik bagi mendapatkan gambaran tentang variasi ujaran yang dihasilkan oleh responden, dan ujaran berdasarkan sebutan bahasa Inggeris, serta ujaran berdasarkan sebutan baku bahasa Melayu.

Perkataan 'Universiti'

JADUAL 2. Perkataan 'Universiti'

Sebutan dalam Bahasa Inggeris	Sebutan dalam Bahasa Melayu Standard	Ujaran Informan
University * ₁ [ˌjuːnɪˈvɜːsəti]	Universiti * ₂ [u.ni.ver.si.ti]	[ju.nĩ.vər.si.ti] [i.nĩ.vər.si.ti] [ju.nĩ.və.si.ti] [ju.vərs.ti] [ju.wər.si.ti]

*₁ Sumber: <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/university?q=university>

*₂ Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=universiti>

Berdasarkan jadual 2, terdapat lima variasi sebutan bagi perkataan universiti yang dikenal pasti hasil daripada ujaran informan. Bagi pola sebutan pertama, dalam bahasa Inggeris (seterusnya BI), suku kata pertama bagi perkataan universiti diujarkan sebagai [ju]. Dalam bahasa Melayu standard rujukan Dewan Bahasa dan Pustaka (seterusnya DBP), suku kata pertama perkataan tersebut diujarkan sebagai [u], iaitu tidak menghadirkan bunyi geluncuran [j] seperti dalam BI. Dalam hal ini, suku kata pertama dalam perkataan universiti perlu diujarkan sebagai [u] menurut sebutan bahasa Melayu baku. Namun, data menunjukkan informan memilih varian [ju] atau sebutan BI bagi membunyikan suku kata pertama perkataan universiti. Bagi pola sebutan kedua, dari segi pengguguran konsonan [r] pada suku kata ketiga. Ujaran dalam BI tidak menghadirkan bunyi getaran [r] dalam perkataan universiti, namun rujukan daripada DBP menunjukkan kehadiran konsonan [r] dalam perkataan tersebut sejajar dengan prinsip sebutan baku, iaitu ujaran menurut ejaan. Namun, data menunjukkan terdapat informan yang mengujarkan bunyi getaran [r], dan ada juga informan yang menggugurkan bunyi tersebut dalam kata seperti yang diujarkan dalam BI. Bagi pola sebutan ketiga, bagi bunyi [si.ti] di akhir kata, data menunjukkan kebanyakan informan dapat mengujarkan bunyi tersebut menurut sebutan bahasa Melayu baku tanpa mengujarkannya menurut bunyi dalam BI yang menghadirkan bunyi vokal schwa dalam kata, iaitu [sə.ti]. Sungguhpun demikian, data menunjukkan terdapat juga informan yang menggabungkan suku kata [vər] dengan konsonan [s] selepasnya dan menghasilkan bunyi [vərs].

Perkataan 'Nasional'

JADUAL 3. Perkataan 'Nasional'

Sebutan dalam Bahasa Inggeris	Sebutan dalam Bahasa Melayu Standard	Ujaran Informan
National * ₁ ['næʃnəl]	Nasional * ₂ [na.sio.nal]	[næ̃.ʃə.nəl] [nã.ʃə.nəl] [næ̃.ʃo.nəl] [nã.ʃo.nəl] [nã.ʃio.nəl] [næ̃.sio.nəl] [nã.ʃio.nəl]

*₁ Sumber: https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/national_1?q=national

*₂ Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=nasional>

Berdasarkan jadual 3, terdapat tujuh variasi sebutan bagi perkataan nasional yang dikenal pasti hasil daripada ujaran informan. Bagi pola sebutan pertama, dalam bahasa Melayu standard, bunyi /na/ di awal kata bagi perkataan nasional diujarkan sebagai [nã] dan bukannya bukannya [næ̃] seperti dalam BI. Data dalam jadual 3 menunjukkan terdapat informan yang dapat mengujarkan bunyi tersebut mengikut bunyi yang distandardisasikan mengikut DBP, iaitu [nã]. Namun, ada juga informan yang mengujarkan bunyi tersebut menurut bunyi BI, iaitu [næ̃]. Bagi pola sebutan kedua, bunyi /sio/ dalam perkataan nasional perlu diujarkan sebagai [sio] menurut sebutan DBP. Namun, data menunjukkan terdapat variasi sebutan bagi bunyi ini yang dituturkan informan, iaitu [ʃo], [ʃio], [ʃə] dan [ʃio], dengan menggantikan bunyi [s] kepada bunyi konsonan geseran gusi langit keras [ʃ] seperti yang diujarkan dalam BI, menggugurkan urutan vokal /io/ kepada bunyi [o] dan mengubah bunyi /io/ kepada vokal schwa [ə]. Bagi pola sebutan ketiga pula, bunyi /nal/ di akhir kata perlu diujarkan sebagai [nãl] namun data

menunjukkan kebanyakan responden membunyikan suku kata tersebut sebagai [nəi] seperti yang dituturkan dalam BI.

Perkataan 'Serius'

JADUAL 4. Perkataan 'Serius'

Sebutan dalam Bahasa Inggeris	Sebutan dalam Bahasa Melayu Standard	Ujaran Informan
Serious * ₁ ['siəriəs]	Serius * ₂ [sé.rius]	[si.ri.us] [si.ri.əs] [si.ri.os] [sæ.ri.əs] [sæ.ri.us]

*₁ Sumber: <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/serious?q=serious>

*₂ Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=serius>

Berdasarkan jadual 4, terdapat lima variasi sebutan bagi perkataan serius yang dikenal pasti daripada ujaran informan. Bagi pola sebutan pertama, bunyi /se/ di awal kata bagi perkataan serius perlu diujarkan sebagai [se] dengan bunyi vokal e-taling mengikut standardisasi bunyi yang digunakan oleh DBP. Namun, data menunjukkan bunyi tersebut tidak diujarkan informan sebaliknya suku kata /se/ diujarkan sebagai [si] dan [sæ] seolah-olah menyamai sebutan dalam BI. Bagi pola sebutan kedua, bunyi /us/ di akhir kata perlu diujarkan sebagai [us]. Data menunjukkan terdapat informan yang dapat menyebut bunyi tersebut, namun terdapat juga informan yang mengujarkannya sebagai [əs] mengikut ujaran dalam BI. Selain itu, terdapat juga informan yang mengujarkannya sebagai [os] dengan menurunkan lidah kepada vokal separuh tinggi [o]. Proses ini merupakan proses fonologi yang alamiah (*natural*) kerana dalam BM, bunyi vokal tinggi sama ada /i/ atau /u/ cenderung mengalami perendahan kepada vokal [e] dan [o] seperti perkataan /bukit/, /lekit/, /bakul/ dan /kurus/ yang diujarkan sebagai [bu.ket], [lə.ket], [ba.kol] dan [ku.ros]. Berdasarkan faktor ini, maka bunyi /us/ di akhir kata dalam perkataan serius diujarkan sebagai [os] oleh sebahagian informan.

Perkataan 'Kalkulator'

JADUAL 5. Perkataan 'Kalkulator'

Sebutan dalam Bahasa Inggeris	Sebutan dalam Bahasa Melayu Standard	Ujaran Informan
Calculator * ₁ ['kælkjuleɪtə(r)]	Kalkulator * ₂ [kal.ku.la.tor]	[kal.kju.læ.tə] [kal.kju.læ.tor] [kal.kju.læ.tər] [kal.ko.læ.tor] [ka.kju.læ.tə] [kæl.kju.læ.tə] [kal.kə.læ.tər] [kal.kju.la.tor] [ka.kju.læ.tor]

*₁ Sumber: <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/calculator?q=calculator>

*₂ Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kalkulator>

Berdasarkan jadual 5, terdapat sembilan variasi sebutan bagi perkataan kalkulator yang dikenal pasti daripada ujaran informan. Bagi pola sebutan pertama, didapati semua informan dapat menyebut bunyi [kal] bagi suku kata /kal/ di awal kata dalam perkataan kalkulator berdasarkan sebutan BM standard. Bagi pola sebutan kedua, iaitu suku kata /ku/ yang perlu diujarkan sebagai [ku], data menunjukkan informan menghasilkan beberapa variasi sebutan yang berbeza dengan sebutan BM antaranya [kju] yang menunjukkan penyisipan geluncuran [j] akibat pengaruh sebutan BI, bunyi [kə] yang mengubah vokal [u] kepada vokal schwa [ə] juga akibat pengaruh sebutan BI, dan bunyi [ko] yang mengubah bunyi vokal [u] kepada [o] yang menunjukkan proses perendahan vokal akibat faktor alamiah penutur BM yang merendahkan bunyi vokal tinggi seperti yang dijelaskan sebelum ini. Bagi pola sebutan ketiga pula, suku kata /la/ perlu dibunyikan sebagai [la] menurut sebutan BM, namun data menunjukkan kebanyakan informan gagal mengujarkan bunyi tersebut sebaliknya menukarkannya kepada sebutan [læ] yang hampir menyamai sebutan BI, iaitu [leɪ]. Bagi pola sebutan keempat, suku kata /tor/ di akhir kata perlu diujarkan sebagai [tor] sejajar dengan sebutan yang diketengahkan dalam laman web PRPM DBP. Data menunjukkan terdapat informan yang dapat membunyikan suku kata tersebut dengan betul, iaitu [tor], dan terdapat juga informan yang mengubah bunyi tersebut dan mengujarkannya sebagai [tə] akibat dipengaruhi oleh sebutan BI.

Perkataan ‘Psikologi’

JADUAL 6. Perkataan ‘Psikologi’

Sebutan dalam Bahasa Inggeris	Sebutan dalam Bahasa Melayu Standard	Ujaran Informan
<i>Psychology</i> * ₁ [saɪ'kɒlədʒi]	Psikologi * ₂ [psi.ko.lo.gi] * ₂ [si.ko.lo.gi]	[saj.ko.lo.dʒi] [saj.ko.lo.gi] [sæj.ko.lo.dʒi] [pæ.si.ko.lo.dʒi]

*₁ Sumber: <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/psychology?q=psychology>

*₂ Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=psikologi>

Berdasarkan jadual 6, terdapat empat variasi sebutan bagi perkataan psikologi yang dikenal pasti daripada ujaran informan. Bagi pola sebutan pertama, suku kata /psi/ di awal kata perlu dikekalkan bunyinya sebagai [psi]. Namun, data menunjukkan informan tidak dapat menghasilkan bunyi yang tepat apabila menyebut suku kata tersebut sebagai [saj] menurut sebutan BI. Malah, terdapat responden yang memisahkan suku kata tersebut kepada dua suku kata berbeza dan menghasilkan bunyi [pæ] dan [si]. Seterusnya bagi pola sebutan kedua, suku kata /ko/ dan /lo/ perlu dikekalkan bunyinya sebagai [ko] dan [lo], dan data menunjukkan informan dapat membunyikannya menurut sebutan BM standard. Bagi pola sebutan ketiga, suku kata /gi/ perlu dikekalkan bunyinya dan diujarkan sebagai [gi]. Terdapat informan yang dapat membunyikan suku kata tersebut menurut sebutan BM. Namun, data menunjukkan kebanyakan informan mengujarkan suku kata tersebut menurut sebutan BI, iaitu [dʒi].

Perkataan ‘Subjek’

JADUAL 7. Perkataan ‘Subjek’

Sebutan dalam Bahasa Inggeris	Sebutan dalam Bahasa Melayu Standard	Ujaran Informan
<i>Subject</i> * ₁ [ˈsʌbdʒekt] [ˈsʌbdʒɪkt]	Subjek * ₂ [sub.jék]	[sab.dʒæk] [sab.dʒæʔ]

		[sabd.dʒæk]
--	--	-------------

*₁ Sumber: https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/subject_1?q=subject

*₂ Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=subjek>

Berdasarkan jadual 6, hanya terdapat satu variasi sebutan bagi perkataan subjek yang dikenal pasti daripada ujaran informan, iaitu perubahan bunyi [sub] kepada [sab] di awal suku kata. Dalam hal ini, informan memilih untuk membunyikan suku kata tersebut menurut bunyi yang diujarkan dalam BI, iaitu vokal belakang separuh luas [ʌ]. Dalam BM, bunyi vokal tersebut seakan sama dengan bunyi vokal rendah [a]. Namun, oleh sebab fonem vokal BM tidak mengandungi vokal belakang separuh luas [ʌ], maka penutur memilih untuk mengujarkan suku kata /sub/ menurut bunyi dalam BI dengan menggunakan vokal rendah [a]. Pada dasarnya output yang dihasilkan ini jelas bercanggah dengan sebutan BM standard seperti yang digariskan oleh DBP, iaitu suku kata /sub/ perlu diujarkan dengan bunyi vokal tinggi [u], dan bukannya vokal rendah [a] seperti yang diujarkan oleh responden.

Bagi bunyi [dʒæk] di akhir kata pula, didapati bahawa informan dapat menuturkannya dengan tepat kerana bunyi suku kata tersebut dalam kedua-dua bahasa adalah sama, maka responden tidak mempunyai kesukaran dalam membunyikannya dan tidak mengubah bunyi tersebut kepada bunyi yang lain. Perbezaan hanya berlaku terhadap bunyi konsonan /k/ di akhir kata yang diujarkan sama ada sebagai konsonan letupan lelangit lembut tak bersuara [k] sejajar dengan bunyi [k] yang digunakan seperti dalam bahasa sumber, atau diujarkan sebagai hentian glotis [ʔ] akibat pelaksanaan rumus pengglotisan yang berlaku dalam BM yang mengubah bunyi [k] di akhir kata kepada hentian glotis [ʔ] disebabkan proses asimilasi antara [k] dan [ʔ] dalam BM.

Perkataan ‘Sosial’

JADUAL 8. Perkataan ‘Sosial’

Sebutan dalam Bahasa Inggeris	Sebutan dalam Bahasa Melayu Standard	Ujaran Informan
<i>Social</i> * ₁ [ˈsəʊʃl]	Sosial * ₂ [so.si.al]	[so.ʃəl] [so.si.əl]

*₁ Sumber: https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/social_1?q=social

*₂ Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sosial>

Berdasarkan jadual 8, hanya terdapat dua variasi sebutan bagi perkataan sosial yang dikenal pasti daripada ujaran informan dan kedua-dua variasi tersebut berlaku di suku kata akhir perkataan, iaitu suku kata [si.al]. Data menunjukkan informan mengujarkan bunyi suku kata tersebut sebagai [ʃəl] dan [si.əl] menurut sebutan yang digunakan dalam bahasa asal atau BI yang membunyikannya sebagai [ʃl]. Dalam hal ini didapati jelas bahawa responden cuba meniru cara ujaran dalam BI yang seolah-olah menghadirkan bunyi vokal schwa ə dalam bunyi [ʃl]. Oleh sebab itu informan menghasilkan output yang mengandungi bunyi vokal schwa seperti [ʃəl] dan [si.əl]. Berdasarkan DBP, suku kata tersebut perlu dibunyikan secara berasingan atau dua suku kata, iaitu [si.al]. Namun, pengaruh dan proses asimilasi yang berlaku telah menyebabkan informan menuturkan bunyi tersebut dengan cara yang salah dan menghasilkan output yang tidak tepat.

Perkataan ‘Status’

JADUAL 9. Perkataan ‘Status’

Sebutan dalam Bahasa Inggeris	Sebutan dalam Bahasa Melayu Standard	Ujaran Informan
<i>Status</i> * ₁ ['stertəs]	Status * ₂ [sta.tus]	[stəj.təs] [stæ.təs] [stæ.tus]

*₁ Sumber: <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/status?q=status>

*₂ Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=status>

Berdasarkan jadual 9, terdapat empat variasi sebutan bagi perkataan status yang dikenal pasti daripada ujaran informan. Bagi pola sebutan pertama, didapati informan tidak dapat menyebut dan mengekalkan bunyi [sta] bagi suku kata /sta/ di awal kata dalam perkataan status mengikut sebutan BM standard. Data menunjukkan informan memilih untuk mengujarkannya menurut bunyi dalam sebutan BI ['steɪ], iaitu dengan mengubah bunyi vokal rendah /a/ kepada bunyi diftong [əj] dan menukarkan vokal rendah /a/ kepada vokal [æ]. Output ini jelas berbeza dengan sebutan dalam BM yang diujarkan sebagai [sta].

Bagi pola sebutan kedua, iaitu suku kata /tus/ yang perlu diujarkan sebagai [tus], data menunjukkan terdapat informan yang dapat mengekalkan bunyi [tus] bagi suku kata tersebut seperti yang digunakan dalam BM, dan terdapat juga informan yang mengubah bunyi tersebut menurut sebutan dalam BI, iaitu dengan mengubah bunyi vokal tinggi /u/ kepada vokal schwa [ə] dan menghasilkan output [təs]. Keadaan ini jelas menunjukkan informan cuba meniru bunyi [təs] yang juga digunakan dalam BI. Pada dasarnya, bunyi [stəj.təs], [stæ.təs] dan [stæ.tus] yang dihasilkan informan hampir menyamai sebutan dalam BI, namun proses asimilasi antara BM dan BI telah menunjukkan berlaku perubahan bunyi daripada bunyi asal kerana informan menyesuaikan bunyi bagi kata pinjaman tersebut menurut sebutan bahasa seharian yang digunakan dalam komunikasi, iaitu BM.

PERBINCANGAN

Bahasa Melayu telah menerima kemasukan kata-kata daripada bahasa asing sejak abad ke-7 lagi, iaitu semasa Kepulauan Melayu berada di bawah pemerintahan kerajaan Sriwijaya. Sejak itu, banyak kata daripada bahasa Sanskrit, bahasa Arab, bahasa Parsi, Portugis, Belanda, Tamil, Cina bahkan bahasa Inggeris diserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Kemasukan kata-kata daripada bahasa asing ini telah menyebabkan berlakunya proses peminjaman sama ada peminjaman secara terus atau peminjaman secara terjemahan. Dalam konteks ini, peminjaman secara terus seperti perkataan *komputer*, *model*, *bot* dan sebagainya daripada bahasa Inggeris diperlukan bertujuan untuk mengungkapkan, menamakan benda, konsep atau fenomena baharu yang tidak dimiliki dalam kosa kata bahasa Melayu. Selain itu, penguasaan terhadap bahasa asing ini dapat menjadi nilai tambah kepada seseorang individu dalam menguasai lebih daripada satu bahasa selepas daripada bahasa ibunda (Nor Sahayu Hamzah et al., 2019). Tambahnya, kemampuan untuk menguasai bahasa asing ini memerlukan latihan dan kesungguhan yang tinggi bagi membolehkan penutur dapat bertutur dengan baik dalam bahasa asing yang dipelajari. Sungguhpun demikian, perbezaan linguistik antara bahasa penutur dan bahasa sasaran boleh mendatangkan kesan kepada penutur itu sendiri.

Seperti yang dijelaskan oleh Raminah Sabran, Nawī Ismail dan Zulkarnain Farihin Abdullah (2021), peminjaman bahasa asing akan menyebabkan penyesuaian dan perubahan terhadap kosa kata sama ada kepada bahasa sumber atau bahasa peminjam berlaku. Dalam kedua-dua bahasa, bukan sahaja struktur ayat, malah struktur bunyi dan ejaan akan terganggu akibat proses asimilasi dan percampuran antara bahasa pertama dan kedua penutur hingga

menghasilkan bentuk output yang tidak tepat. Sebagai contoh, perkataan katalog perlu diujarkan sebagai [ka.ta.log] berdasarkan sebutan baku bahasa Melayu (<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=katalog>), dan diujarkan sebagai ['kætəlog] berdasarkan sebutan dalam bahasa Inggeris (https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/catalogue_1?q=catalog). Namun, proses asimilasi yang berlaku dalam kalangan penutur telah menyebabkan berlakunya penghasilan output yang menyalahi sebutan dalam kedua-dua bahasa seperti *[kæ.tə.log], *[ka.tə.log], *[kæ.tə.lo?] dan *[ka.ta.lo?].

Menurut Nazilah Mohamad dan Karim Harun (2019), bunyi termasuk dalam salah satu elemen linguistik. Item linguistik bunyi yang dipinjam daripada bahasa asing boleh mengalami dua proses. Pertama, item linguistik bunyi dipindahkan daripada bahasa sumber kepada bahasa penerima dan akan dikekalkan seboleh mungkin bunyian tersebut mengikut bunyian dalam bahasa sumber. Sebagai contoh, perkataan *beautiful* dikekalkan bunyinya sama seperti dalam bahasa sumber, iaitu bahasa Inggeris. Kedua, item linguistik bahasa sumber mengalami perubahan setelah dipindahkan kepada bahasa penerima kerana bunyinya telah berasimilasi atau diubah suai mengikut bunyian bahasa penerima. Sebagai contoh, perkataan Arab *ilm* berubah menjadi 'ilmu' dan perkataan Sansrit *bhasa* berubah menjadi 'bahasa' setelah dimasukkan ke dalam kosa kata bahasa Melayu. Jelas bahawa, proses asimilasi merupakan faktor utama yang menyebabkan berlaku perubahan bunyi terhadap sebutan bahasa asing. Keadaan ini boleh berlaku disebabkan beberapa faktor untuk memudahkan ujaran, atau disebabkan faktor penutur itu sendiri.

Dalam hal ini, penutur boleh memilih untuk menuturkan kata yang dipinjam daripada bahasa asing dengan tepat, iaitu dengan mengujarkan kata mengikut sebutan asal atau sebutan daripada bahasa sumber. Namun, proses asimilasi boleh berlaku dalam dua bentuk. Pertama, penutur mempunyai pengetahuan tentang cara sebutan yang tepat bagi kata yang dipinjam daripada bahasa asing, namun sengaja mengubah cara sebutan tersebut mengikut telu, loghat atau bahasa kebiasaan mereka sendiri. Kedua, penutur tidak mempunyai pengetahuan tentang cara sebutan yang tepat bagi kata yang dipinjam, lalu membunyikannya mengikut pemahaman, pengetahuan dan pentafsiran mereka sendiri. Berdasarkan faktor ini, maka tidak hairanlah jika suatu kata yang dipinjam daripada bahasa asing akan mempunyai beberapa variasi sebutan yang jelas berbeza dengan sebutan dalam bahasa asal. Bagi Adib Zakwan Al-Qayyum Shahbuddin dan Mardian Shah Omar (2020), bahasa asing khususnya bahasa Inggeris sememangnya mendominasi bidang teknologi, pendidikan dan pembangunan, namun penutur perlu bijak menggunakan bahasa yang betul dan tepat mengikut konteks dan situasi bagi mengelak masalah pencemaran bahasa dan masalah penguasaan terhadap bahasa sumber dan bahasa penerima.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan, dapat dirumuskan bahawa penguasaan bahasa Inggeris menjadi satu keperluan pada masa kini untuk mengungkap bidang ilmu yang bersifat teoritikal, saintifik dan teknikal. Kemasukan kosa kata daripada bahasa asing ini juga dapat memperkaya korpus bahasa Melayu itu sendiri. Namun, tanggungjawab penutur diperlukan untuk memastikan bahasa asing yang digunakan itu tepat dari semua aspek sama ada sebutan, sintaksis bahkan dari segi tatabahasa. Hal ini penting untuk mengelak kekeliruan dan percampuran bahasa yang boleh menjejaskan keaslian bahasa sumber dan bahasa penerima. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, pengabaian terhadap cara sebutan kata asing yang betul akan menghasilkan pelbagai variasi sebutan yang tidak tepat dan hal ini didorong oleh faktor asimilasi antara bahasa sumber dan bahasa penerima.

Jika proses asimilasi dijadikan sandaran terhadap penggunaan bahasa yang tidak tepat, maka masalah gangguan linguistik akan berlaku dan boleh menjejaskan pemahaman, pengetahuan bahkan penguasaan terhadap kedua-dua bahasa. Dari segi implikasi, kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada khalayak tentang penggunaan sebutan yang betul sama ada dalam bahasa Melayu, dan dalam bahasa Inggeris bagi kata-kata yang diserap daripada bahasa tersebut. Hal ini juga dapat memberi pengetahuan kepada khalayak perbezaan sebutan yang tepat bagi kata-kata yang dipinjam berdasarkan sumber-sumber rujukan yang sahih dan berwibawa contohnya daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dengan panduan yang diberikan, khalayak dapat mengenal pasti dan mengujaran sebutan yang tepat sama ada dalam bahasa asal, atau dalam bahasa Melayu tanpa mencampuradukkannya sehingga menghasilkan output yang berbeza yang jelas bercanggah dengan sebutan yang sewajarnya. Menjadi tanggungjawab penutur untuk mempertahankan dan memartabatkan bahasa yang digunakan bukan sahaja bertujuan melahirkan citra yang unggul, malah demi kesinambungan ilmu pengetahuan yang akan diwarisi oleh generasi akan datang supaya mereka tidak mengalami masalah gangguan leksikal dalam fenomena masyarakat multilingual.

RUJUKAN

- Abbas Mohd Shariff. 1986. Pengaruh Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu. *Sekata*, 3(1), 29-34.
- Adib Zakwan Al-Qayyum Shahbuddin & Mardian Shah Omar. 2020. Pengekalan Kosa Kata Budaya dalam kalangan Generasi Muda Masyarakat Jawa. *Jurnal Linguistik*, 24 (1), 81-93.
- Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2021. Kesalahan Ejaan dalam Karangan Murid Sekolah Menengah di Daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Melayu*, 20 (1), 38-64.
- Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin & Khairul Azam Bahari. 2018. Upaya berbahasa Melayu tinggi dan berbudaya (BMTB) dari sudut morfo-fonetik dan sosiolinguistik dalam kalangan guru pelatih. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, 2 (8), 153-161.
- Ibtisam Abdullah & Imran Ho Abdullah. 2018. Kata pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu Analisis Kajian dari Sudut Perubahan Morfologi. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 13 (3), 43-50.
- Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim & Mohd Hafiz Sulaiman. 2013. Keupayaan Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 55-65.
- Mimi Suhana Hakim, Nur Afiqah Ahmad Raof & Sa'adiah Ma'alip. 2021. Percampuran Kod dalam Kalangan Peniaga dalam Talian di Instagram. *Jurnal Melayu, Isu Khas Disember 2021*, 579-601.
- Mohamad Firdaus Azaharuddin, Shahidi A. Hamid & Rahim Aman. 2022. Pemetaan Variasi Fonologi dan Leksikal Dialek Hilir Perak. *Jurnal Melayu*, 21(1), 145-148.
- Mohamad Nortaufiq Nor Hashim, Mohd Khaidir Abdul Wahab & Aniswal Abd. Ghani. 2022. Etimologi Kata Pinjaman Parsi dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 21(1), 81-95.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Nor Audra Dayana Dahlan. 2018. Percampuran Kod Bahasa di dalam Filem: Satu Kajian Kualitatif terhadap Filem J Revolusi (2017). *e-Academia Journal*, 7(2), 107-121.
- Muhammad Firdaus Mohd Sah & Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2021. Strategi Adaptasi Kata Pinjaman dalam Bahasa Bugis: Koresponden-OO. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(3), 52-77.
- Nazilah Mohamad & Karim Harun. 2019. Konsep Peminjaman Kosa Kata: Suatu Tinjauan terhadap Sorotan Literatur. *Trends in Social Sciences*, 1(2), 77-83.

- Nor Sahayu Hamzah et al. 2019. Gangguan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Jepun. *Jurnal Linguistik*, 23(2), 110-122.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2017. Fonologi Bahasa Kerinci berdasarkan Teori Fonologi Autosegmental. *Disertasi Doktor Falsafah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nurkhairunnisha Amani Mohd Faizal, Nurul Emelda Abdullah Safarizal & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2022. Penggunaan Bahasa Rancu dalam Medium Twitter oleh Generasi Z. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 12 (1), 19-28.
- Nurul Adila Zulkipli & Sa'adiah Ma'alip. 2021. Pemilihan Bahasa dan Kalangan Pekerja Asing di Taman Pelangi, Prai. Pulau Pinang. *Jurnal Melayu*, 20(1), 154-169.
- Oxford Learner's Dictionaries. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/university?q=university>
- Oxford Learner's Dictionaries. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/national_1?q=national
- Oxford Learner's Dictionaries. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/serious?q=serious>
- Oxford Learner's Dictionaries. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/calculator?q=calculator>
- Oxford Learner's Dictionaries. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/psychology?q=psychology>
- Oxford Learner's Dictionaries. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/subject_1?q=subject
- Oxford Learner's Dictionaries. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/social_1?q=social
- Oxford Learner's Dictionaries. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/status?q=status>
- Paramasivam Muthusamy. 2017. Komunikasi Percampuran Kod dalam Masyarakat Multilingual di Malaysia. *Journal of Business and Social Development*, Volume 5, Number 1, 36-48.
- Periasamy Muthan. (2022). Memperkasakan bahasa Melayu tanggungjawab kita bersama. *Majalah Dewan Bahasa*, 31 Mac. Dicapai daripada <https://dewanbahasa.jendeladb.gov.my/2022/03/31/memperkasakan-bahasa-melayu-tanggungjawab-kita-bersama/>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=universiti>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=nasional>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=serius>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kalkulator>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=psikologi>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=subjek>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sosial>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (Atas talian). Muat turun 19 September 2022, dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=status>

- Raminah Sabran, Nawī Ismail & Zulkarnain Farihin Abdullah. 2021. *Bahasa Melayu Topikal Semester 1 STPM*. Rawang: Mutiara Suria Ilmu Resources.
- Tatu Siti Rohbiah at al. 2017. Perubahan Makna Kata Serapan Bahasa Arab dalam Bahasa InggEris pada Istilah Ekonomi. *Mimbar Sejarah, Sastra, Budaya dan Agama*, XXIII (2), 319-335.
- Zaharani et al. 2011. Pemerksaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing. *Jurnal Melayu* (6), 13-27.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. Sikap dan Motivasi Pelajar terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415.

Biodata Penulis:

Mohamad Ajirul bin Bakri merupakan mantan pelajar di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak dan telah memperolah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu dengan Kepujian. Beliau kini berkhidmat di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) Islamiah Papar, Sabah.

Nur Farakhanna binti Mohd Rusli (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak. Bidang pengkhususan beliau ialah Bahasa dan Linguistik Melayu, dan Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu.